



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada pengusaha yang berminat untuk menyertai mana-mana sebut harga berikut :-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
PUO/SH(S)/01/2026	Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kafeteria A di Politeknik Ungku Omar (Kampus Astra)	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dengan Kod Bidang seperti berikut :- i. 040102 – Makanan dan Minuman (tin / botol dan bungkusan; ii. 040103 – Makanan Bermasakan (Islam)	12/08/2026 (Selasa) sebelum jam 12.00 tengahari i. Dokumen Sebut Harga yang dihantar lewat tidak akan diterima / dilayan / dipertimbangkan. ii. Pejabat ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung. iii. Semua keterangan mengenai Sebut Harga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan perkhidmatan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen ini. iv. Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam Dokumen Sebut Harga.
Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi bermula pada 06/08/2026 (Khamis) sehingga 11/08/2026 (Selasa) di Unit Perolehan Dan Kewangan, Aras Bawah, Blok Pentadbiran, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak pada waktu seperti berikut:- a. 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari b. 2.30 petang hingga 4.00 petang			

2. Dokumen Sebut Harga hanya akan **dikeluarkan kepada pengusaha atau wakil-wakil pengusaha yang membawa surat wakil kuasa**. Wakil pengusaha hendaklah membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dengan **Kod Bidang seperti di atas** dan **Sijil ASAL Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia**. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada penama-penama yang bertaualiah / wakil – wakil pengusaha yang sah sahaja. Kegagalan tuan/puan mengemukakan sijil tersebut boleh menyebabkan Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan.
3. Lawatan Tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**, tetapi penyebutharga boleh hadir ke lokasi secara individu mulai **06/08/2026 (Khamis) sehingga 11/08/2026 (Selasa)**. Gambar-gambar akan dilampirkan bersama sebagai rujukan kepada penyebutharga. Penyebutharga hendaklah menggunakan borang-borang yang telah disediakan oleh Politeknik Ungku Omar. Sebut Harga yang diterima dan tidak menggunakan borang rasmi ini, meminda butiran-butiran borang-borang berkenaan atau tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Lanjutan itu, penyebutharga boleh menghubungi pegawai di **Unit Khidmat Pengurusan, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak** seperti di bawah bagi tujuan **pertanyaan / penjelasan / temujanji** :-

a. **Encik Khairul Asmar bin Mazelan** : 05 - 545 7622

4. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah **dimasukkan di dalam sampul surat yang berlakri** dengan mencatatkan **No. Sebut Harga dan Tajuk Sebut Harga** dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga / Tender, Unit Khidmat Pengurusan, Aras Bawah, Blok Pentadbiran, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak** sebelum **Tarikh Tutup Sebut Harga**.

5. Politeknik Ungku Omar tidak tertakluk untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran tertentu.

(DR. HAJAH SALMI BINTI CHE MEH, B.C.N.)

Pengarah
Politeknik Ungku Omar
Politeknik APEX
Ipoh, Perak
Tarikh : 30 Julai 2026
PUO/SH(S)/01/2026

